



TIONG LAI (tengah) memotong riben melepaskan belon sambil diperhatikan oleh Ismail (dua dari kiri) semasa merasmikan pejabat JPJ Cawangan Cameron Highlands semalam.

---

CAMERON HIGHLANDS – Sistem pendaftaran kenderaan secara online yang diperkenalkan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) semakin mendapat sambutan apabila hampir 500,000 transaksi dicatatkan ketika ini.

Sistem berkenaan membolehkan pihak penjual dan pengedar kenderaan mendaftarkan kereta tanpa perlu hadir mengemukakan dokumen ke kaunter JPJ.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata, perkhidmatan berkenaan yang diperkenalkan secara berfasa sejak lima tahun lalu merupakan usaha JPJ melakukan transformasi mutu perkhidmatannya.

---